

**Date and Time:** Thursday, 4 December 2025 3:04pm +08

**Job Number:** 269757364

## Document (1)

1. [Safaru bin Azim Ali \(akuan mulut\) lwn Pendakwa Raya \[2022\] MLJU 3374](#)

**Client/Matter:** -None-

**Search Terms:** "syazwan hasim"

**Search Type:** Natural Language

**Narrowed by:**

**Content Type**  
MY Cases

**Narrowed by**  
-None-



**Safaru bin Azim Ali (akuan mulut) lwn Pendakwa Raya [2022] MLJU 3374**

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (KUANTAN)

ZAINAL AZMAN AB AZIZ H

RAYUAN JENAYAH NO CA-42S-1-01 TAHUN 2022

21 December 2022

***Syazwan Hasim** (Azan bersamanya) (**Syazwan Hasim** & Azeel Iskandar) bagi pihak perayu.  
Hayda Faridzal bin Abu Hasan (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang) bagi pihak responden.*

## Zainal Azman Ab Aziz H:

### ALASAN PENGHAKIMAN

#### PENGENALAN

[1] Perayu bersama dua OKT yang lain telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuantan dengan satu pertuduhan di bawah [seksyen 394 Kanun Keseksaan](#) yang dibaca bersama-sama dengan [Seksyen 397](#) dan [seksyen 34 Kanun Keseksaan](#) kerana melakukan samun bersenjata ke atas Abu Tahir bin Aman Ullah.

[2] Di akhir perbicaraan, Hakim Mahkamah Sesyen telah mensabitkan Perayu dan dijatuhkan hukuman penjara 7 tahun dari tarikh tangkap dan 7 kali sebatan rotan. Perayu yang tidak berpuas hati akan keputusan tersebut telah merayu ke Mahkamah Tinggi.

[3] Setelah meneliti nota keterangan, alasan penghakiman dan setelah menimbang penghujahan kedua-dua pihak, Mahkamah telah mengekalkan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen bagi sabitan dan juga hukuman.

#### FAKTA KES

[4] Fakta kes adalah seperti berikut :

- i. Pada 26/9/2019 jam lebih kurang 12:30 pagi, ketika mangsa yang baru sampai ke Terminal Bersepadu Kuantan, telah didatangi seorang lelaki berbangsa Rohingya (OKT2) yang menawarkan perkhidmatan kereta sapu kepada mangsa. Mangsa yang baru sampai ingin menuju ke Sri Jaya Maran. OKT2 memperkenalkan dirinya sebagai "Junaid" kepada mangsa.
- ii. Mangsa telah dibawa menuju ke kereta lelaki tersebut iaitu sebuah kereta jenis Proton Saga warna kelabu No. Plat TAE 9174. Sebelum menaiki kereta tersebut, mangsa sempat mengambil gambar OKT2 dan keretanya. (rujuk Eksibit P1 (A & B) atas arahan rakan kongsinya bernama Nor Aswany (SP2) untuk langkah keselamatan. Mangsa juga ketika itu membawa wang tunai sebanyak RM37,800.00 untuk membayar gaji pekerja.
- iii. Apabila mangsa menaiki kereta milik "Junaid", mangsa diarahkan duduk di kerusi penumpang belakang dengan alasan 'aircond' dan tingkap di bahagian hadapan rosak. Jadi mangsa telah duduk di kerusi penumpang belakang kereta. Tiba-tiba "Junaid" mengatakan terdapat dua lagi penumpang yang juga ingin menaiki keretanya untuk menuju ke bandar. Mangsa hanya menurut arahan dan OKT1 dan OKT3 telah masuk dan duduk di kiri dan kanan mangsa. Mangsa telah dibawa menaiki kereta tersebut di mana

mangsa menyangkakan menuju ke arah Sri Jaya, Maran. Keadaan malam yang gelap dan mangsa juga kali pertama sampai di Kuantan menyebabkan beliau tidak tahu arah tuju ketika itu.

- iv. Lebih kurang 25 ke 30 minit perjalanan, "Junaid" memberhentikan kereta mengatakan kereta telah panas dan perlu dimasukkan air. Namun di kawasan kali pertama berhenti terdapat pondok *security*, jadi "Junaid" masuk semula ke dalam kereta dan bergerak dalam 3 minit lagi ke hadapan dan apabila sampai di kawasan hutan, "Junaid" memberhentikan semula kereta dengan alasan yang sama. Mangsa telah mula merasa takut melihat keadaan hutan yang gelap di luar. "Junaid" telah meminta telefon bimbit mangsa dengan alasan kononnya ingin mencari *location* mereka ketika itu. Mangsa telah diarahkan turun dari kereta, dan mangsa mengatakan dibawa ke luar menghala ke arah hutan. Ketiga-tiga OKT turut turun.
- v. Tiba-tiba Mangsa telah dipegang dari arah belakang dan OKT1 telah bertindak menjatuhkan mangsa dan mencekik leher mangsa dengan sebelah tangan dan sebelah tangan lagi mengacukan pisau ke leher mangsa dan berkata "nak tikam di mana?". OKT3 pula bertindak memegang kedua-dua belah kaki mangsa dan "Junaid" atau OKT2 telah bertindak merampas beg galas yang dibawa mangsa. Mangsa menyerahkan beg galasnya, kemudian "Junaid" atau OKT2 meminta telefon bimbit mangsa pula dan meminta dibukakan kata laluan telefon tersebut.
- vi. Mangsa yang telah menyerahkan beg galasnya yang mengandungi wang tunai RM37,800.00 dan telah merayu ditinggalkan RM100.00 kepadanya untuk kos perjalanan balik ke Kuala Lumpur dan ditinggalkan dokumen rekod hutang gaji pekerja, resit bayaran gaji pekerja dan kad UNHCRnya namun tidak diendahkan oleh OKT1, OKT2 dan OKT3. Mangsa kemudiannya telah ditinggalkan dalam hutan tersebut.
- vii. Mangsa langsung tidak menyedari bila dirinya telah ditikam. Mangsa hanya menyedari selepas OKT1, OKT2 dan OKT3 meninggalkannya di dalam hutan. Mangsa merasa sakit dan melihat ada empat kesan tikaman di paha kiri dan di bahagian dada kiri. Mangsa tidak dapat melihat siapa antara tiga perompak itu yang telah menikamnya, namun pasti dua dari mereka iaitu OKT1 dan OKT3 telah mengacukan dua bilah pisau lipat ke arahnya dan mengugut untuk membunuhnya.
- viii. Mangsa telah keluar dari hutan itu dengan berjalan kaki menuju ke jalan utama, cuba untuk menahan kereta yang lalu namun tidak ada satu kereta pun yang berhenti. Jam pada waktu itu lebih kurang jam 1.00 pagi. Mangsa telah menuju ke arah bangunan yang mempunyai pondok *security* iaitu kawasan pertama OKT2 berhenti. Mangsa telah meminta tolong dari *security* yang bertugas, dan mangsa kemudiannya telah dibawa oleh ambulan ke Hospital Besar Kuantan (Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan (HTAA)).
- ix. Mangsa telah diberikan rawatan di Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan (HTAA) dan telah dibenarkan keluar pada keesokan pagi lebih kurang jam 6.00 pagi. Mangsa telah dirawat dan dilihat oleh SP7 dan SP7 telah mendapati terdapat beberapa kesan kecederaan di paha kiri, dan juga dada kiri mangsa dipercayai diakibatkan oleh objek tajam. SP8 pula adalah doktor yang telah mengeluarkan laporan penuh perubatan di ekshibit P22 juga mengesahkan kecederaan yang dialami oleh mangsa. Kesan kecederaan mangsa boleh dilihat di dalam gambar kecederaan mangsa di eksibit P5(a-c).
- x. Mangsa yang tidak mempunyai wang langsung telah menjual jam tangannya dan telah membeli tiket balik ke Kuala Lumpur dan telah berjumpa dengan rakannya bernama 'Hashim'. Hashim juga telah berhubung dengan rakan kongsi mangsa iaitu SP2. SP2 telah datang ke Kuala Lumpur dari Kulim Kedah untuk berjumpa dengan mangsa di rumah Hashim. Mangsa dan SP2 kemudiannya telah ke Kuantan semula pada keesokan hari iaitu 27/9/2020 untuk tujuan membuat laporan polis. Mereka telah ke Balai Polis Gebeng dan telah membuat 2 laporan polis, iaitu Gebeng Rpt: 1874/19 (Ekshibit P3) dan Kuantan Rpt: 26902/19 iaitu report pembedahan. (Ekshibit P4).
- xi. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh mangsa, terutamanya gambar OKT2 dan juga gambar kereta yang digunakan di eksibit P1 (A & B), Insp. Abdul Hafiz Bin Ab. Rahim (SP5) telah berjaya mengesan OKT1 dengan bantuan anggota dari IPD Pasir Puteh Kelantan. Tangkapan terhadap OKT1 dibuat pada 21/10/2019. Pasir Puteh: (KN)6132/19 di eksibit P29.
- xii. Seterusnya SP5 telah mengesan OKT2 dan OKT3 melalui tangkapan pada 22/10/2019 juga di Pasir Puteh Kelantan di report Pasir Puteh: (KN)6137/19 di eksibit P8. SP5 juga telah berjaya merampas kenderaan yang digunakan iaitu Proton Saga Iswara warna Perak dengan no. plat TAE9174 di Balai Polis Chukai, Kemaman pada 24/10/2019. SP5 mengatakan menurut maklumat kereta tersebut telah ditinggalkan di tepi jalan berhampiran Balai Polis Chukai. Report rampasan: Chukai:8111/19 di ekshibit P9.
- xiii. Pada 29/10/2019, SP5 juga mengatakan melalui hasil soal siasat beliau ke atas OKT1 dan OKT3, OKT1 dan 3 telah membuat pendedahan ke arah penemuan pisau yang digunakan ketika menyamun mangsa ada disorokkan di dalam kereta Proton Iswara tersebut. SP5 telah membawa OKT 1 dan OKT 3 ke pusat barang kes dan OKT 1 dan OKT3 telah menunjukkan di mana 2 bilah pisau lipat hitam yang digunakan

- disorok. Pisau pertama (eksibit P11) dijumpai dengan ditunjukkan oleh Ismail (OKT1) disorokkan di dalam karpit di bahagian bumbung tempat duduk penumpang hadapan, dan Merahmoot (OKT3) telah menunjukkan pisau lipat kedua (eksibit P12) disorokkan di bahagian belakang tempat duduk belakang.
- xiv. SP5 juga telah mengambil 13 keping gambar pandu arah OKT1 dan OKT3 ke arah penemuan 2 bilah pisau itu di ekshibit P10 (a-m) dan laporan polis Kuantan:29729/19 di ekshibit P15. Kesemua barang rampasan kes iaitu kereta dan juga 2 bilah pisau lipat hitam tersebut telah diserahkan kepada Pegawai Penyiasat kes iaitu SP10 untuk tindakan lanjut.
  - xv. Hasil siasatan Pegawai Penyiasat iaitu SP10, SP10 mendapati kereta Proton Iswara TAE9174 (ekshibit P30) telah didaftarkan atas nama Mohamad Al'Hafiz Amir Bin R'azmi (SP3). SP3 telah datang ke Mahkamah untuk memberikan keterangan dan menjelaskan rakannya yang bernama Ajidullah seorang warga Rohingya (SP4) telah meminta bantuannya untuk mendaftar kereta tersebut bagi pihak rakannya yang dikenali sebagai "Farouq" menggunakan namanya memandangkan warga Rohingya tidak boleh mendaftarkan kenderaan di negara ini. Maka, SP3 yang percayakan SP4 dan juga kasihkan "Farouq" yang kononnya mengatakan kereta tersebut digunakan untuk perniagaan ikan belia. SP3 dan SP4 telah membantu "Farouq" sekitar bulan 3 tahun 2019 dan mendaftarkan kereta Proton Iswara TAE9174 di JPJ cawangan UTC Kuala Terengganu. SP3 dan SP4 telah mengecamkan gambar kereta di eksibit P6 (A-D) dan juga mengecamkan geran kereta di eksibit P7.
  - xvi. Apabila ditanyakan siapakah yang dimaksudkan dengan "Farouq" yang meminta tolong SP3 dan SP4 dalam urusan pembelian dan pendaftaran kereta, SP3 dan SP4 telah mengecamkan OKT2 sebagai "Farouq", SP3 dan SP4 juga tidak pernah berurusan lagi dengan Farouq selepas itu dan tidak pernah melihat kereta TAE9174 itu sehinggalah dihubungi oleh SP10 dalam siasatan kes samun terhadap mangsa.

## PERTIMBANGAN DAN DAPATAN MAHKAMAH

[5] Di dalam alasan penghakimannya, Hakim Mahkamah Sesyen selaku Hakim Bicara telah berpuashati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya mengasaskan elemen-elemen penting pertuduhan iaitu intipati di bawah [seksyen 394 Kanun Keseksaan](#) yang mana elemen-elemen yang harus dibuktikan adalah:

- i) OKT atau mana-mana orang yang lain telah melakukan atau cuba melakukan rompakan; dan
- ii) OKT atau seorang yang lain pada waktu melakukan atau cuba melakukan rompakan dengan sengaja menyebabkan cedera.

[6] Di dalam kes ini, walaupun ketika kejadian berlaku adalah pada waktu malam, namun mangsa dapat membuat pengecaman yang positif terhadap kesemua tertuduh memandangkan mangsa telah dirompak dan diserang pada jarak yang sangat dekat. Mangsa juga telah mengecamkan 'Junaid' adalah orang yang pertama yang menghampiri mangsa di Terminal Bersepadu Kuantan adalah OKT2. Mangsa juga telah mengambil langkah keselamatan dirinya dan wang yang dibawa dengan mengambil gambar OKT2 dan kereta yang digunakan untuk merompak pada waktu tersebut.

[7] Seterusnya, mangsa telah mengecamkan OKT1 dan OKT3 yang kemudiannya masuk ke dalam kereta OKT2 dan turut sama menjadi perompak pada malam itu. Mangsa dapat mengecamkan OKT1 yang telah menjatuhkan dirinya dari arah belakang dan mengacukan pisau. OKT3 pula telah memegang kedua-dua kaki mangsa dan turut juga mengacukan pisau yang kedua. OKT2 telah merampas beg galas yang mengandungi wang tunai RM37,000.00 dan turut juga merompak telefon bimbit mangsa dan juga kad UNHCR kepunyaan mangsa.

[8] Tempoh masa yang lama dari mula mangsa masuk ke dalam kereta OKT2 sehinggalah beliau di bawa ke tempat kejadian iaitu di tepi Jalan Bypass dari arah Kuantan menghala ke Cherating membolehkan mangsa melihat dan mengecam muka kesemua mereka yang telah melakukan rompakan pada malam itu. Oleh itu, elemen pertama telahpun diasaskan oleh pihak pendakwaan di mana mangsa telah dapat mengecamkan kesemua OKT yang terlibat pada malam tersebut.

[9] Seterusnya, melalui kawad cam yang telah diadakan yang mana ianya telah diadakan secara teratur melalui laporan kawad cam iaitu ekshibit P23, P24 dan P25. SP9 selaku pegawai yang mengendalikan sesi kawad cam telah menyatakan bahawa mangsa telah dapat mengecamkan kesemua OKT tanpa teragak- agak.

[10] SP9 menyatakan bahawa mangsa tidak pernah diajar atau ditemukan dengan mana-mana OKT sebelum sesi kawad cam diadakan. SP9 juga menyatakan kesemua peserta yang menyertai perbarisan kawad cam iaitu seramai

10 orang adalah dipilih berdasarkan bentuk tubuh, ketinggian, warna kulit serta bangsa dan keturunan yang sama. Tiada apa-apa bantahan daripada kesemua OKT tentang pemilihan peserta-peserta tersebut.

**[11]** OKT-OKT juga telah diberi kebebasan untuk menentukan kedudukan mereka dan OKT-OKT juga dibenarkan untuk menukar kedudukan mereka ketika sesi kedua kawad cam tersebut. SP9 dengan itu menjelaskan bahawa keputusan kawad cam oleh mangsa akan kesemua OKT adalah baik dan positif.

**[12]** Berkenaan dengan kereta yang telah digunakan oleh OKT iaitu Proton Iswara berwarna perak no. TAE9174 di mana mangsa telah mengambil gambar OKT2 beserta kereta tersebut sebelum rompakan berlaku adalah satu keterangan yang amat relevan. Maklumat ini telah diberikan oleh SP2 iaitu rakan kongsinya Nor Aswany pada malam yang sama. Maklumat yang penting ini juga telah dilaporkan oleh mangsa dan ini menjadi kunci utama siasatan oleh SP10 yang menjurus kepada tangkapan kesemua OKT dan Pasir Puteh, Kelantan. Kereta tersebut juga telah ditemui setelah ditinggalkan di tepi jalan berhampiran dengan Balai Polis Chukai, Kemaman, Terengganu.

**[13]** Pemilik kereta tersebut iaitu SP3 menyatakan bahawa beliau telah menggunakan namanya ke atas kereta TAE9174 dan didaftarkan atas penama Farouq yang merupakan OKT2 di dalam kes ini. SP3 dan SP4 juga telah mengecamkan OKT2 sewaktu memberi keterangan di Mahkamah.

**[14]** SP3 juga telah tidak berjumpa dengan Farouq selepas kereta tersebut didaftarkan dan tidak tahu apa yang berlaku kepada kereta tersebut sehinggalah SP10 meminta SP3 dan SP4 untuk hadir di IPD Kuantan untuk memberi keterangan berkaitan dengan siasatan kes samun tersebut.

**[15]** Selepas rampasan kereta TAE9174 di buat oleh SP5, kesemua OKT telah memberikan maklumat dan hasil maklumat tersebut telah membawa kepada penemuan dua bilah pisau lipat berwarna hitam (ekshibit P10 dan P11) yang telah disorokkan oleh OKT1 dan OKT3 di dalam kereta tersebut.

**[16]** Berkaitan dengan isu niat bersama, kesemua OKT di dalam kes ini telah secara bersama-sama melakukan rompakan tersebut berdasarkan keterangan-keterangan seperti berikut:

- a) OKT2 yang bertindak sebagai pemula dengan menawarkan mangsa naik ke keretanya dengan menggunakan sentimen mereka adalah sebangsa yang patut saling menolong membuatkan mangsa percaya kepadanya;
- b) OKT2 kemudiannya memberi alasan ada lagi dua penumpang yang juga ingin menaiki kereta sapunya telah membawa masuk OKT1 dan OKT3. Kedudukan mereka juga telah menunjukkan niat mereka untuk mengepung mangsa sejak dari awal lagi iaitu mangsa telah diapit oleh OKT1 dan OKT3 di dalam kereta;
- c) Ketika mangsa di bawa ke tepi jalan dan ketika kali pertama OKT2 tidak jadi berhenti kerana ada pondok *security* berdekatan telah menunjukkan niat mereka untuk merompak mangsa. OKT2 juga berpura-pura meminta pinjam telefon mangsa dengan alasan mencari *location* untuk mengelakkan mangsa dari menghubungi sesiapa atau meminta bantuan;
- d) Apabila akhirnya mangsa dibawa ke tempat kejadian, kesemua mereka telah turun dan mengekori mangsa dari arah belakang, dan OKT1 telah bertindak menjatuhkan mangsa dari arah belakang dan terus mengacukan pisau. Manakala OKT3 terus memegang kaki mangsa. OKT2 pula bertindak merampas barangan berharga milik mangsa;
- e) Kesemua perompak tahu akan peranan masing-masing dan perbuatan mereka kelihatan seperti telah dirancang sejak awal, (*a well-prepared plan of crime*); dan
- f) Kemudiannya kereta dan senjata yang digunakan telah dilupuskan dengan meninggalkannya di tepi jalan Chukai dan mereka semua telah lari dan bersembunyi di Pasir Puteh, Kelantan.

**[17]** Mahkamah merujuk kepada kes *RONNY ABDULLAH V PP & ANOTHER APPEAL* [2011] 9 CLJ 376, di mana Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa :

*"[34] In Namasiyiam Doraisamy v. Public Prosecutor & Other Cases* [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ (Rep) 241, *an authority referred to by the learned trial judge, Syed Agil Barakbah SCJ, in delivering the judgment of the Supreme Court, said (at p. 252):*

*Where the prosecution case rests on circumstantial evidence, the circumstances which are approved must be such as*

necessarily lead only to that inference. **Direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because common intention may develop on the spot and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case and the conduct of the accused.** (The Supreme Court (of India) on Criminal Law 1950-1960 by JK Soonavala page 188 to 193).

[35] Huggard CJ, in *Rex v. Vincent Banka & Anor* [1936] 1 LNS 62; [1936] MLJ 53 at p. 56 cited with approval a passage from the judgments of the Full Bench in the case of *The Emperor v. Nga Aung Thien* reported in the *All India Reporter (Rangoon)* for March 1935: The following extracts from the judgments of the Full Bench may usefully be quoted. At page 90 of the report Page C.J. says:

*Whether or not a criminal act is done by several persons in furtherance of the common intention of all, is a question of fact to be determined on a consideration of the facts in each case, and the common intention may be inferred from the circumstances disclosed in the evidence, and need not be the subject of an express agreement between the persons concerned."*

[18] Di dalam kes *MOHD SHAMSUL ABDUL AZIZ v. PP & ANOTHER APPEAL* [2016] 1 CLJ 713 di mana Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa:

"[21] The notion behind this provision as contained under [s. 34](#) of the [Penal Code](#) has been a subject of much deliberation both, by the numerous learned judges in their reported decisions as well as by learned commentators in their authoritative books, on the subject of common intention and what it entails.

[22] In the case of *Mahboob Shah v. Emperor* AIR [1945] PC 118 the Law Lords in the Privy Council had this to say when dealing with an appeal where [s. 34](#) of the [Penal Code](#) was invoked, in aid by the prosecution: "...To invoke the aid of [s. 34](#) successfully, it must be shown that the criminal act complained against was done by one of the accused persons in the furtherance of the common intention of all; if this is shown, then liability for the crime may be imposed on any of the persons in the same manner as if the act were done by him alone". Their Lordships then went on to state the need to establish that there was a pre-arranged plan among all of the accused persons to commit the crime. Once that is established, then any act by any of them is done in furtherance of their common intention. The act would translate into the execution of the common intention.

[23] In the case of *Khairul Edam Adam & Anor v. PP* [1999] 2 SLR 57 it was ruled that "...the plan could develop on the spot. What was enquired was a meeting of the minds or acting in concert."

[19] Dengan menggunakan kedua-dua kes di atas adalah jelas bahawa elemen-elemen niat bersama telahpun diasaskan oleh pihak pendakwaan dan dengan itu kesemua OKT adalah terlibat di dalam rompakan ke atas mangsa pada malam tersebut.

[20] Berkaitan dengan kes pembelaan, kesemua OKT telah menafikan ada terlibat di dalam perlakuan rompakan ke atas mangsa tersebut. Bagi OKT2 beliau menyatakan bahawa beliau tidak mengenali mangsa dan beliau hanya mengenali seorang Myanmar yang dikenali sebagai Alam yang didakwanya sebagai abang ipar kepada mangsa. OKT2 menyatakan Alam benci kepadanya dan tidak suka dia bekerja dengan seorang yang dikenali sebagai Azam/Bos. Oleh itu, tujuan Alam membuat tuduhan terhadapnya adalah supaya dia tidak disukai. Juga, OKT2 menyatakan sewaktu kejadian dia berada di Kelantan.

[21] Namun begitu, sewaktu Pemeriksaan Balas oleh Timbalan Pendakwa Raya, OKT2 menyatakan bahawa namanya adalah Safaru dan orang memanggilnya sebagai Farouq. Apabila dirujuk akan ekshibit P1 (A & B), dia mengakui bahawa kereta tersebut adalah miliknya dan orang yang ada di dalam gambar tersebut adalah dirinya. Dia juga mengenali OKT1 dan OKT3, namun begitu menafikan bahawa dia terlibat di dalam rompakan tersebut.

[22] Berkaitan dengan keterangan OKT2 di mana beliau mengatakan berada di Kelantan sewaktu kejadian namun tiada apa-apa notis alibi telah dikeluarkan dan tiada mana-mana saksi telah dipanggil untuk mengesahkan beliau berada di Kelantan sewaktu kejadian. OKT2 telah mengakui gambar kereta dan orang yang berada berdekatan dengan kereta tersebut adalah dirinya. Oleh itu, keterangan OKT2 bahawa beliau berada di Kelantan semasa kejadian tidak boleh di terima.

[23] Juga, keterangan OKT2 bahawa beliau dikenali sebagai Farouq dan telah membeli kereta TAE9174

mengesahkan keterangan SP4 bahawa dia telah meminta bantuan SP3 untuk mendaftarkan kereta tersebut di atas nama SP3 bagi kegunaan 'Farouq'. Mereka bertiga ada berjumpa bagi tujuan pembelian dan proses tukar nama kereta tersebut.

[24] Seterusnya, keterangan OKT2 bahawa Alam benci kepadanya serta membuat tuduhan palsu serta tuduhan merompak adalah penafian semata-mata. Keterangan OKT2 juga hanya ditimbulkan sewaktu keterangan membela diri dan tiada apa-apa dicadangkan sebelum itu dan dengan itu keterangan tersebut amatlah diragui.

[25] Oleh itu, secara keseluruhannya Hakim Mahkamah Sesyen telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah, manakala pembelaan yang dibangkitkan oleh pihak pembelaan telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah dan dengan itu OKT2 telah disabitkan seperti mana pertuduhan pindaan.

[26] Bagi hukuman pula, Mahkamah telah meneliti faktor-faktor mitigasi oleh pihak Perayu dan juga rayuan oleh pihak pendakwaan atas hukuman yang wajar dijatuhkan dengan mengambilkira kesemua faktor-faktor yang telah dibentangkan di hadapan Mahkamah. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara selama 7 tahun dan 7 sebatan rotan yang mana ianya adalah wajar dan munasabah.

[27] Setelah meneliti nota keterangan dan juga alasan penghakiman yang disediakan oleh Hakim Bicara, Mahkamah ini mendapati dan memutuskan bahawa Hakim Bicara telah membuat dapatan yang betul berdasarkan keterangan- keterangan yang ada di mana adalah jelas bahawa Perayu (OKT 2) bersama-sama OKT1 dan OKT3 telah terlibat ke atas rompak yang dilakukan ke atas mangsa dan dengan itu Mahkamah ini selaku mahkamah rayuan perlulah perlahan di dalam menilai dapatan yang di buat oleh Hakim Bicara melainkan terdapat keterangan kuat yang menunjukkan bahawa terdapat kekhilafan oleh Hakim Bicara di dalam menilai kesemua keterangan yang telah dikemukakan dihadapannya.

[28] Di dalam kes **MUHD ZULKIFLI BIN ABD GHANI V. PUBLIC PROSECUTOR [2012] 2 MLJ** di mana Mahkamah memutuskan bahawa :

*"[11] The Court of Appeal was clearly aware that it is trite law that an appellate court should be slow to interfere with the findings of fact by the trial judge. Reference was made by the Court of Appeal to the case of Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v Public Prosecutor and another appeal [2004] 3 MLJ 405 wherein Abdul Hamid Mohammad FCJ (as he then was) quoted a passage in the case of Lai Kim Hon & Ors v Public Prosecutor [1981] 1 MLJ 84 : '... The principle of law governing appeals in criminal cases on questions of fact is well established, in that the appeal court will not interfere **unless the balance of evidence is grossly against the conviction especially upon a finding of a specific fact involving the evaluation of the evidence a witness founded on the credibility of such witness.**"*

[29] Di dalam kes ini, Mahkamah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap OKT2 di mana elemen- elemen pertuduhan di bawah [Seksyen 394/397 Kanun Keseksaan](#) yang dibaca bersama-sama [Seksyen 34](#) kanun yang sama telahpun diasaskan berdasarkan kepada keterangan kesemua saksi secara keseluruhannya di mana keterangan-keterangan saksi-saksi tersebut adalah *credible*, konsisten dan saling menyokong antara sama lain.

[30] Adalah jelas bahawa OKT2 telah melakukan rompak tersebut bersama-sama dua OKT yang lain.

[31] Seterusnya, SP9 telah menegaskan bahawa kawad cam yang dijalankan adalah teratur dan laporan kawad cam yang ditandakan sebagai ekshibit P23, P24 dan P25 adalah memuaskan. SP1 juga telah dapat mengecamkan kereta yang dinaiki pada malam tersebut dan hasil siasatan SP10 telah membawa kepada penangkapan kesemua tertuduh di Pasir Puteh, Kelantan.

[32] Hasil rampasan kereta TAE9174 yang di buat oleh SP5, OKT1 dan OKT 3 telah memberikan maklumat di mana hasil daripada maklumat tersebut telah menemukan dua bilah pisau lipat hitam iaitu P10 dan P11 yang mana telah disorokkan di dalam kereta tersebut dan ini jelas menunjukkan bahawa kedua-dua bilah pisau tersebut telah digunakan ke atas mangsa sewaktu rompak tersebut.

#### **KEPUTUSAN MAHKAMAH**

[33] Setelah meneliti rekod rayuan, Mahkamah ini memutuskan bahawa tiada kekhilafan baik dari segi fakta mahupun undang- undang yang telah dilakukan oleh Hakim Bicara dan dengan itu Mahkamah ini tidak akan menggantung keputusan yang telah dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen selaku Hakim Bicara.

**[34]** Berkaitan dengan hukuman, Mahkamah memutuskan bahawa tempoh pemenjaraan selama 7 tahun dan 7 sebatan rotan adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan dan ianya masih di dalam ruang lingkup [Seksyen 394/397 Kanun Keseksaan](#) dan dengan itu Mahkamah ini tidak akan mengganggu hukuman tersebut.

**[35]** Dengan itu, sabitan dan hukuman ke atas Perayu/OKT2 adalah dikekalkan dan rayuan Perayu adalah ditolak.